

بَابُ عَلَامَةِ الْإِيمَانِ حُبُّ الْأَنْصَارِ

Bab 10 : Cintakan Ansar Adalah Tanda Iman

١٦ - حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ أَخْبَرَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ جَبْرِ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسًا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ آيَةُ الْإِيمَانِ حُبُّ الْأَنْصَارِ وَآيَةُ النِّفَاقِ بُغْضُ الْأَنْصَارِ

16- Abu al-Walid telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Syu'aib telah meriwayatkan kepada kami, katanya, 'Abdullah bin 'Abdillah bin Jabr telah memberitahu saya, katanya, saya telah mendengar Anas (meriwayatkan) dari Nabi SAW, sabda Baginda: "Cintakan Anshar adalah tanda iman dan bencikan Anshar adalah tanda nifaq (kemunafiqan) ".

بَابُ

Bab 11 :

١٧ - حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ عَنْ الزُّهْرِيِّ قَالَ أَخْبَرَنِي أَبُو إِدْرِيسَ عَائِدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسًا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ وَحَوْلَهُ عَصَابَةٌ مِنْ أَصْحَابِهِ بَايَعُونِي عَلَى أَنْ لَا تُشْرِكُوا بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا تَسْرِقُوا وَلَا تَزْنُوا وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ وَلَا تَأْتُوا بِيَهْيَانٍ بَيْنَ يَدَيْكُمْ وَأَرْجُلِكُمْ وَلَا تَعْصُوا فِي مَعْرُوفٍ فَمَنْ وَفَى مِنْكُمْ فَأَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ وَمَنْ أَصَابَ مِنْ ذَلِكَ شَيْئًا فَعُوقِبَ فِي الدُّنْيَا فَهُوَ كَفَّارٌ لَهُ وَمَنْ أَصَابَ مِنْ ذَلِكَ شَيْئًا ثُمَّ سَرَّهُ اللَّهُ فَهُوَ إِلَى اللَّهِ إِنْ شَاءَ عَفَا عَنْهُ وَإِنْ شَاءَ عَاقَبَهُ فَبَايَعْنَاهُ عَلَى ذَلِكَ

17- Abu al-Yamaan telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Syu'aib telah memberitahu kepada kami dari al-Zuhri, katanya, Abu Idris 'Aa'izullah bin 'Abdillah telah memberitahu saya bahawa 'Ubaadah bin as-Shamit r.a - Beliau telah ikut serta ◉ dalam peperangan Badar dan beliau adalah salah seorang Naqib di malam 'Aqabah- (meriwayatkan) sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda ketika mana sekumpulan para

sahabat berada di sekelilingnya, (kata Baginda): "Berbai'ahlah kamu kepadaku bahawa sesungguhnya kamu tidak akan menyekutukan sesuatu dengan Allah, tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anakmu, tidak akan mengada-agadakan sesuatu secara dusta dengan penuh kesedaran dan tidak akan menderhakai (pemimpin kamu) dalam perkara ma'ruf. Sesiapa di antara kamu menyempurnakan janji itu maka pahalanya dijamin Allah dan sesiapa yang melanggar sesuatu daripada apa yang dijanjikannya itu lalu dia dihukum di dunia ini, maka hukuman itu merupakan kafarah kepadanya. Sebaliknya sesiapa yang melanggar mana-mana janji tersebut kemudian Allah menyembunyikannya, terserahlah kepada Allah kedudukannya samaada dia (Allah) akan mengampunkannya atau akan menyeksanya." Lalu kami pun berbai'ah kepada Baginda SAW atas perkara-perkara itu.

بَابُ مِنَ الدِّينِ الْقَرَارُ مِنَ الْفِتَنِ

Bab 12 : Sebahagian Daripada (Ajaran) Agama ialah Lari Daripada Pelbagai Fitnah.

١٨ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ عَنْ مَالِكٍ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي صَعَصَعَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ أَنَّهُ قَالَ ﷺ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُوشِكُ أَنْ يَكُونَ خَيْرَ مَالِ الْمُسْلِمِ غَنَمٌ يُبْعُ بِهَا شَعَفُ الْجِبَالِ وَمَوَاقِعُ الْقَطْرِ يَفْرُدُّ بِدِينِهِ مِنَ الْفِتَنِ

18- Abdullah bin Maslamah telah meriwayatkan kepada kami dari Malik dari 'Abdir Rahman bin 'Abdillah bin 'Abdir Rahman bin Abi Sha'sha'ah dari ayahnya dari Abi Sa'id al-Khudri r.a, bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Tidak lama lagi akan tibalah masanya di mana sebaik-baik harta seorang Muslim ialah kambing yang dibawanya ke puncak gunung dan ke kawasan-kawasan tadahan hujan, dia lari demi agamanya daripada pelbagai fitnah".